

Warga emas dijatuhi hukuman penjara 24 tahun, 48 sebatan atas tiga pertuduhan

KOSIYO 30/12/2017 M/S 13

Bapa 60 tahun rogol anak sendiri

KOTA BHARU – Perbuatan keji seorang bapa merogol anak perempuannya tiga malam berturut-turut dalam kejadian tahun lalu menerima balasan apabila dijatuhi hukuman penjara 24 tahun dan dikenakan 48 sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Hakim Nazri Ismail menjatuhkan hukuman tersebut ke atas tertuduh yang berusia 60 tahun selepas didapati bersalah atas pertuduhan tersebut pada akhir kes pendakwaan.

Mengikut pertuduhan pertama hingga ketiga, tertuduh didakwa merogol anak kandungnya yang ke-

tika itu berumur 15 tahun sebulan di sebuah rumah di sini antara pukul 1 pagi hingga 1.30 pagi pada 22 hingga 24 November 2016.

Bagi kesemua kesalahan tersebut, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376(3) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 30 tahun penjara dan minimum 10 sebatan, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Siti Hajar Alias manakala tertuduh diwakili peguam Zuhaidie Akmal Hasan Basri.

Siti Hajar meminta mahkamah mengenakan hukuman setimpal dengan perbuatan kejinya yang sepatutnya melindungi mangsa.

Bagaimanapun, Zuhaidie memohon hukuman ke atas anak guamnya diringankan antaranya kerana faktor kesihatan tertuduh yang sering tidak sihat.

Tertuduh telah bercerai dengan isterinya sejak beberapa tahun lalu. Mangsa merupakan anak ke-10 daripada 11 adik-beradik.

Tertuduh dihantar ke Penjara Pengkalan Chepa bagi menjalani hukuman tersebut.



TERTUDUH dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Kota Bharu semalam selepas dijatuhi hukuman penjara kerana merogol anak sendiri.